

“HARI GURU”

Sebuah negara yang disegani di dunia memiliki satu ketamadunan yang mempunyai masyarakat yang berdisiplin, berhemah tinggi berilmu, beriman, bertaqwa serta berakhhlak mulia. Pada tahun ini tema hari guru tahun lalu dikekalkan iaitu ‘Guru Berkualiti Pemangkin Kegemilangan’. Ianya adalah bertepatan dengan hasrat murni negara iaitu pembinaan kualiti akhlak terunggul atau “towering personality” bagi memastikan kejayaan pembentukan bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Demi mencapai pembentukan akhlak terunggul, ianya memerlukan kegemilangan ilmu dan pendidikan bagi menjadi pemangkin kemakmuran dan kemajuan. Sejarah telah membuktikan bahawa kegemilangan sesebuah negara bergantung kepada kecemerlangan rakyatnya dan orang yang berperanan besar mewujudkan kegemilangan tersebut, ialah guru. Dalam erti kata lain tidak akan adanya doktor, jurutera, saintis, professor, menteri, ahli korporat dan sebagainya tanpa adanya didikan awal dari guru.

Mutakhir ini kita sering mendengar rungutan ibubapa dan masyarakat terhadap guru. Aduan mengenai guru mendera pelajar, tidak terlatih, tidak ikhlas mendidik, mengejar sambil lewa dan sebagainya sering dipaparkan di dada akhbar mahupun di kaca televisyen. Kajian juga mendapati bilangan kes saman guru di Mahkamah juga meningkat dari masa ke semasa. Sesetengah pihak seringkali menyalahkan guru apabila dikaitkan dengan gejala keruntuhan dan kerasukan moral dan syahsiah generasi muda ketika ini.

Faktor-faktor ini serba sedikit telah melemahkan semangat guru untuk menaburkan bakti secara ikhlas di dalam proses pendidikan dan pembelajaran. Kerap kali guru melahirkan rasa tidak puas hati dan kekecewaan mereka apabila pengorbanan mereka tidak dihargai bahkan disalahanggap oleh ibubapa dan masyarakat. Guru yang telah hilang keikhlasannya tidak akan dapat menumbang bakti dengan cemerlang ke arah pembentukan peribadi dan kualiti akademik generasi muda negara.

Mungkin ada benarnya terdapat guru-guru yang gagal menjalankan tugasnya dengan baik dan kadangkala meganiayai para pelajar. Namun perkara ini jangan sama sekali membuatkan kita lupa untuk menghargai jasa dan pengorbanan seorang insan bernama guru. Sesungguhnya jasa dan budi seorang guru tidak akan dapat dibalas dan diukur dengan harta benda. Hari guru merupakan hari yang paling sesuai untuk masyarakat melahirkan rasa terima kasih kepada guru.

Menghargai guru merupakan salah satu sifat mahmudah yang amat digalakkan. Allah SWT telah merakamkan penghargaanNya kepada guru di dalam beberapa hadis Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam (SAW), diantaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, bermaksud "Sesiapa yang mengajarkan sesuatu ilmu, maka ia mendapat pahala orang yang mengamalkan ilmu tersebut, pahalanya tidak kurang sedikitpun dan pahala orang tersebut." Di dalam hadis yang lain riwayat al-Imam at-Tirmizi, Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah dan seluruh malaikat-Nya serta penghuni langit dan bumi, sehingga semut yang ada di dalam liangnya dan ikan yu, semuanya memohon kerahmatan ke atas orang yang mengejarkan kebaikan kepada manusia.".

Terima kasih atas segala usaha dan pengorbanan guru mendidik serta membimbing pelajar sehingga cemerlang akademik dan kokurikulum, di samping akhlak mulia.
ZULKIFLI BIN HASAN.